

29/04/1997

Kritikan Lim bermotif politik: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap kenyataan Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Melaka yang mendendanya RM15,000 kerana bersalah atas dua tuduhan, bermotifkan politik.

Perdana Menteri berkata, kritikan Lim terhadap kerajaan ketika mempertikai undang-undang negara juga sebenarnya sudah jelas bermotifkan politik kerana beliau seorang ahli politik.

"Kenapa orang tak minat dengan politik, tak buat komen? Sebab mereka bukan orang politik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan 'Malaysia Challenge', pertandingan perlumbaan perahu layar, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Lim yang menganggap pendakwaannya adalah 'tindakan politik' yang bertujuan menamatkan kerjaya politiknya.

Perdana Menteri berkata, sudah menjadi amalan parti pembangkang untuk tidak berpuas hati dengan setiap keputusan yang tidak berpihak kepada mereka.

"Kalau kita buat, politik. Kalau orang lain (parti pembangkang) buat, tidak politik," katanya.

Menurutnya, bagi parti pembangkang, mahkamah selalu dianggap kurang bersikap adil terhadap mereka kerana sebarang keputusan kerap dikatakan berpihak kepada parti pemerintah.

Hakim Datuk Mohd Noor Abdullah mendenda Lim sebanyak RM5,000 atau tiga bulan penjara selepas didapati bersalah mengikut Seksyen 4 (1)(b) Akta Hasutan 1948 dengan menimbulkan kebencian atau penghinaan terhadap pentadbiran keadilan negara dalam ceramah bertajuk 'Kisah Benar' di Hotel Emperor, Jalan Munsyi Abdullah, Melaka, pada 19 Januari 1995.

Ketua Pemuda DAP itu turut didenda RM10,000 atau enam bulan penjara apabila didapati bersalah mengikut Seksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 kerana menerbitkan risalah bertajuk 'Kisah Benar' yang mengandungi kenyataan palsu dan berbentuk fitnah berjudul 'Mangsa Dipenjarakan'.

Ketika ditanya sama ada Lim anak kepada Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang akan didesak meletak jawatan seperti yang dilakukan mereka terhadap pemimpin Barisan Nasional, Dr Mahathir berkata: "Itu bisnes dia. Saya tak peduli."

Dr Mahathir juga enggan memberi komen terhadap kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang mengaku kempen Pas bercanggah dengan dakwah Islam.

(END)